

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS [JERANTUT]
TARIKH : 9.06.2014 (ISNIN)

TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah
jaminan Kerajaan dalam menangani kerakusan peniaga-
peniaga yang berkemungkinan mengambil kesempatan dengan
menaikkan harga barangan apabila sistem pencukaian GST
dilaksanakan pada tahun 2015 nanti.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau *goods and services tax* (GST) pada tahun 2015, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah diberi tanggungjawab untuk meningkatkan penguatkuasaan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** agar tiada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga barangan atau caj perkhidmatan dengan sewenang-wenang dengan menggunakan alasan GST.

Kementerian ini sememangnya sedar akan kemungkinan berlaku manipulasi harga disebabkan oleh kerakusan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan dengan ini, Kementerian telah dan sedang mengambil langkah-langkah persediaan dari aspek perundangan, penguatkuasaan dan pemantauan harga bagi memastikan kenaikan harga secara tidak terkawal dalam pelaksanaan GST dapat ditangani dengan baik.

Kementerian akan menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang akan memperuntukkan kaedah-kaedah penentuan pencatutan semasa GST. Pindaan kepada peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011

sedang dibuat dan peraturan mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi tidak munasabah bersabit dengan pengenaan GST sedang diwujudkan dalam usaha memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan ke atas mereka yang mengambil kesempatan mengenakan harga atau caj yang tidak munasabah berikutan dengan pelaksanaan GST.

Denda dan penalti yang berat akan dikenakan ke atas peniaga yang ingkar di mana bagi orang perseorangan ialah denda sehingga RM100,000 atau tiga tahun penjara bagi kesalahan pertama dan RM250,000 atau lima tahun penjara bagi kesalahan kedua dan berikutnya. Bagi pertubuhan perbadanan atau syarikat pula dikenakan denda RM500,000 bagi kesalahan pertama dan RM1 juta bagi kesalahan kedua dan berikutnya.

Selaras dengan pelaksanaan GST, Jemaah Menteri pada 28 Mei 2014 telah meluluskan sebanyak 472 tambahan perjawatan pegawai penguatkuasa Kementerian dan meminta supaya tindakan pengambilan disegerakan bagi melancarkan urusan pelaksanaan GST. Kementerian juga telah mewujudkan Unit Antipencatutan yang akan memberi fokus kepada penyiasatan aktiviti pencatutan oleh peniaga. Sejak tahun 2013 lagi, pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian telah diberi latihan secara berperingkat bagi kemahiran tindakan siasatan ke atas pencatutan bersabit dengan GST.

Di samping penguatkuasaan undang-undang, Kementerian juga sedang mewujudkan pangkalan data harga barangan dan caj perkhidmatan. Pemantauan harga akan dibuat sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan GST sebagai indikator kepada penentuan keuntungan yang munasabah bagi barangan atau perkhidmatan. Maklumat data harga ini akan digunakan bagi menentukan mekanisme pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011. Ianya juga menjadi sumber maklumat dan rujukan yang penting kepada Kementerian mengenai tren harga dan caj yang berpatutan dalam pasaran.

Dengan adanya usaha-usaha ini, Kementerian yakin ia mampu menangani impak pelaksanaan GST kepada harga barangan dan caj perkhidmatan di pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 48

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan fakta pokok mengenai kehilangan ghaib MH370, usaha mencari bangkai pesawat dan jumlah kosnya.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, sebanyak 26 buah negara terlibat dalam usaha mencari dan menyelamatkan bermula di Laut China Selatan dan Selat Melaka, seterusnya ke Laut Andaman serta di dua buah Koridor iaitu Koridor Utara yang merentasi 11 buah negara bermula dari bahagian utara Thailand hingga ke sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan. Manakala Koridor Selatan merentasi 2 buah negara iaitu Indonesia dan Australia (bahagian selatan Lautan Hindi). Usaha SAR ini masih diteruskan di Lautan Hindi, iaitu di Barat Daya Perth, Australia.

Sehingga kini, operasi mencari pesawat tersebut telah memasuki Fasa Transisi dengan memberi keutamaan kepada pencarian di bawah permukaan laut. Dalam hubungan ini, operasi mencari pesawat menggunakan kapal udara telah ditangguhkan sementara waktu. Pada masa yang sama, sebuah pesawat *P3 Orion* milik Australia ditempatkan di dalam keadaan bersiap sedia (*on-standby*) di Perth bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan sekiranya berlaku sebarang penemuan pesawat atau serpihan. Pada masa yang sama, beberapa buah kapal laut dari Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China masih kekal ditempatkan di Perth.

Dalam Fasa Transisi ini, 3 aktiviti utama sedang dan akan dijalankan seperti berikut:

- (i) analisis semula data untuk menentu-sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan INMARSAT;
- (ii) menjalankan *bathymetric survey* yang melibatkan kerja-kerja *mapping* dasar laut. Ini akan membolehkan pencarian menggunakan aset-aset *Autonomous Underwater Vehicle* (AUV) yang mempunyai keupayaan tertentu dapat dilancarkan dengan berkesan dan selamat; dan
- (iii) memperoleh perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side scan sonar* bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang ditetapkan.

Kerajaan akan meneruskan operasi pencarian pesawat MAS MH370 sehingga ia dapat dijumpai. Walau bagaimanapun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menamatkan operasi pencarian MH370, Kerajaan perlu mendapatkan persetujuan bersama dengan pihak Republik Rakyat China dan Australia, selaras dengan ketetapan dalam *Annex 12, Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*.